

01 NOV 2001

Mahathir-Belanjawan

SEMUA KEMENTERIAN SUDAH PERTINGKAT PERBELANJAAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perbelanjaan daripada peruntukan kewangan kepada setiap kementerian telah meningkat sejak semua menteri diarah mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan kementerian masing-masing setiap dua minggu kepada beliau.

"Sejak itu perbelanjaan meningkat kerana mereka (menteri) perlu memberi laporan. Jadi tidak sesiapa tidak ditekankan untuk menjalankan tugas dengan seberapa sempurna yang boleh," kata Perdana Menteri pada jamuan makan malam Belanjawan 2002 di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, berkata tindakan itu ialah antara beberapa cara pendekatan baru bagi memastikan peruntukan perbelanjaan yang telah ditentukan, digunakan sepenuhnya.

Katanya, permintaan kerajaan supaya wang yang diperuntukkan bagi perkara yang telah ditentukan, dibelanjakan dengan pantas dan sepenuhnya, telah mendapat sambutan yang baik.

Perdana Menteri menggambarkan Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang "pelik" berbanding dengan negara-negara membangun yang lain.

Beliau berkata ketika kebanyakan negara-negara membangun menghadapi masalah kekurangan wang, Malaysia tidak dapat membelanjakan sepenuhnya wang yang diperuntukkan.

"Setiap tahun wang yang diperuntukkan dibelanja hanya 80 peratus sahaja. Ini termasuk christmas shopping di akhir tahun...tak tahu nak belanja bagi habis," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan amat bersyukur dengan tindakan untuk tidak menghabiskan wang yang diperuntukkan tetapi rakyat mahukan wang yang diperuntukkan itu dibelanjakan sepenuhnya untuk kepentingan rakyat.

Mengenai Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parlimen pada 19 Okt, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bersyukur dengan nikmat yang diberikan di bawah belanjawan tersebut daripada melihat perkara-perkara yang tidak baik.

Katanya, bagi kakitangan kerajaan, mereka perlu bersyukur kerana bonus setengah bulan atau bayaran minima RM1,000 adalah lebih tinggi daripada bayaran petrol yang perlu ditanggung mereka berikutan kenaikan harga petrol.

Beliau berkata jumlah kakitangan kerajaan yang bergaji RM2,000 ke bawah adalah lebih banyak daripada yang bergaji RM2,000 ke atas.

"Oleh itu bonus ini memberikan keuntungan yang besar kepada mereka yang mendapat gaji kurang daripada RM2,000 sebulan," katanya.

Beliau berkata bonus RM1,000 adalah memadai untuk memenuhi kenaikan harga petrol sebanyak lapan peratus iaitu kenaikan kira-kira RM40.

"Jika kita selalu bersyukur kita akan lebih tenang dan hidup lebih selesa," katanya.

"Pada pendapat saya Belanjawan 2002 tidaklah buruk sangat...banyak yang telah dikurangkan dan yang naik sedikit sahaja."

Beliau yang terlibat secara langsung dalam menyediakan belanjawan kali ini berkata, yang sukar adalah untuk melayan permintaan pihak swasta, badan berkanun dan badan bukan kerajaan yang mahukan peruntukan perbelanjaan dinaikkan, tapi mahu cukai diturunkan.

"Memandangkan negara stabil dan mempunyai kedudukan wang yang sihat, kita dapat tambah perbelanjaan bagi tahun 2002," katanya.

--BERNAMA

HK SLR ZB